

UMS komited pimpin transformasi digital, kukuhkan kedudukan dalam era teknologi

UB 19.10.2024 P.02

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) komited untuk terus memimpin transformasi digital dan mengukuhkan kedudukannya dalam era teknologi yang semakin pesat.

Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. Kasim Mansor berkata transformasi digital merupakan teras utama Pelan Strategik UMS terutama dalam Key Result Area ketujuh (KRA7).

Katanya, KRA7 itu selaras dengan lima pelan strategik UMS yang bertujuan memperkuuh struktur dan sistem pendidikan di UMS.

"KRA7 memberitumpuan kepada dua aspek utama iaitu kepuasan dan pemanfaatan teknologi yang memfokuskan kepada pemerkasaan infrastuktur wifi di seluruh kampus, memastikan semua warga kampus

universiti dapat mengakses maklumat dan sumber dengan efisien.

"Kedua, kepuasan penglibatan warga kampus yang mendorong penglibatan semua pihak dalam menjayakan pendigitalan universiti, memperkuuh semangat kerjasama dan inovasi dalam setiap inisiatif.

"UMS telah melaksanakan pelbagai inisiatif pendigitalan berimpak tinggi, termasuk UMS Go Super App, HROline, SMP dan ITEL," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Bulan Digital UMS 2024 dan Ekspos Perkhidmatan Pendidikan dan Digital UMS (EPDUMS) 2024, di sini baru-baru ini.

Kasim berkata sebanyak 4,000 akses poin tanpa wayar di seluruh kawasan

kampus bagi memastikan setiap warga kampus dapat berhubung dan mengakses maklumat dengan mudah dan pantas.

"Inisiatif-inisiatif ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan tetapi juga memperkaya pengalaman pembelajaran pelajar.

"UMS sentiasa berusaha untuk menambah baik dan berinovasi bagi memastikan perkhidmatan dalam keadaan yang cekap dan memuaskan," katanya.

Tambah Kasim, strategi masa depan adalah memastikan Artificial Intelligent (AI) dan teknologi digital berfungsi sebagai pemangkin yang dapat membantu menyelesaikan masalah dan mempermudah kehidupan manusia.

Katanya, penggunaan teknologi mesti dilakukan

secara bertanggungjawab dan beretika dan UMS akan terus menjadi peneraju dalam mengintegrasikan teknologi dengan nilai-nilai kemanusiaan.

EPDUMS 2024 dengan tema 'AI Synergy: Transforming Ideas into Reality' menyediakan platform pusat sehenti untuk perkongsian perkhidmatan digital dan teknologi bagi meningkatkan kesedaran serta literasi digital warga UMS.

Penganjuran Bulan Digital dan EPDUMS 2024 juga menyaksikan pelancaran lima aplikasi yang boleh digunakan pelajar dan kakitangan UMS iaitu aplikasi Hopin Bus Tracking (pengesanan pergerakan bas UMS), E-Linkages, UMSDigital Card, Students Development Point V2 dan Tungnagu (storan awan UMS).



ALBUM: Kasim bergambar selepas merasmikan Bulan Digital UMS 2024 dan EPDUMS.